

12 DEC 1996
Nik Aziz-Sultan
NIK AZIZ HANTAR SURAT MOHON MENGHADAP

KOTA BAHARU, 12 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata beliau telah mengutus surat kepada Sultan Kelantan bagi memohon menghadap untuk membolehkannya melantik empat anggota Exco kerajaan negeri yang baru.

Katanya senarai nama bakal anggota Exco itu turut disertakan bersama-sama surat kepada baginda itu.

Ketika ditemui di pejabatnya di sini Nik Aziz bagaimanapun enggan menyatakan bila surat dan senarai nama itu dihantar.

Empat kerusi Exco menjadi kosong ekoran daripada perletakan jawatan tiga anggotanya daripada bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan kematian seorang lagi anggota yang juga bekas anggota S46.

Mereka yang meletak jawatan itu ialah Timbalan Menteri Besar II Datuk Rozali Isohak, Nik Mustapha Nik Loding dan Daud Jaafar, kesemuanya telah menyertai Umno manakala yang meninggal dunia ialah Kapt (B) Mohd Noor Ahmad, anggota Dewan Undangan Negeri Pulai Chondong.

Surat daripada Nik Aziz itu dipercayai dihantar hari ini. Bagaimanapun usaha untuk menghubungi Setiausaha Sulit kepada Sultan Kelantan, Haji Fuad Hassan gagal kerana beliau berada di Kuala Lumpur bagi mengiringi Sultan.

Semalam Nik Aziz telah berkata yang beliau belum mengutus surat itu dan berharap untuk melakukannya segera.

Mengenai pilihan raya kecil kawasan Pulai Chondong pada 6 Jan ini, Nik Aziz bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pilihan raya kecil itu tidak semestinya menunjukkan kekuatan pengaruh antara Umno dengan Pas.

"Kalau nak bertanding kekuatan Pas memang tak ada kekuatan. Mana boleh Pas yang kerdil ini melawan gergasi besar (Umno). Tetapi Pas akan bertanding juga atas dasar kebenaran," katanya. -- BERNAMA

ROM NMO